

# PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI KANAN TUDM

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/668-pemakaian-pangkat-pegawai-kanan-tudm](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/668-pemakaian-pangkat-pegawai-kanan-tudm)

KUALA LUMPUR, 1 Apr 16 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Roslan bin Saad TUDM telah menyempurnakan majlis pemakaian pangkat kepada lapan (8) orang Pegawai Kanan TUDM yang diadakan di Markas Tentera Udara hari ini.



Di dalam majlis tersebut telah menyaksikan Brig Jen Dato' Dzulkarnain bin Hj Ahmad TUDM telah dinaikkan ke pangkat Mej Jen TUDM berkuatkuasa 1 Apr 16 dan memegang jawatan sebagai AKS Perancangan dan Pembangunan.



Manakala bagi pegawai kanan yang dinaikkan dari pangkat Kol TUDM kepada Pemangku Brig Jen TUDM adalah Kol Mohd Shaifuddin bin Mohd Shariff TUDM dan Kol Hanafiah bin Hj Abdul Manaf TUDM.



Bagi pegawai kanan yang dinaikkan dari pangkat Lt Kol TUDM kepada Pemangku Lt Kol TUDM pula adalah Lt Kol Syed Islam bin Shahajam TUDM, Lt Kol Saidey bin Ahmad TUDM dan Lt Kol Shamsudin bin Mahadi TUDM. Manakala Mej A. Salihin bin Hamzah TUDM dan Mej Mohd Amin bin Abdul Wahab TUDM masing-masing dinaikkan ke pangkat Pemangku Lt Kol TUDM.



Hadir sama menyaksikan majlis pemakaian pangkat ini adalah Ketua Staf Markas ATM, Lt Jen Datuk Hj Sabri bin Adam TUDM, Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM, Panglima Bantuan Udara, Lt Jen Dato' Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM, AKS Sumber Manusia, Mej Jen Dato' Paduka Wan Normazlan bin Che Jaafar TUDM serta Pegawai-pegawai Kanan TUDM yang lain.



